



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PENDERAAN KANAK-KANAK DI DESA REJANG, KPWKM AKAN TERUS PANTAU PERKEMBANGAN KES

KPWKM memandang serius kes penderaan seorang kanak-kanak berusia dua (2) tahun oleh orang yang dikenali sepertimana yang tular di laman media sosial baru-baru ini.

Kementerian dimaklumkan bahawa suspek kini dalam tahanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan yakin bahawa siasatan terperinci terhadap pesalah kes penderaan dan salah laku terhadap kanak-kanak ini akan dijalankan. Selain itu, Kementerian juga dimaklumkan bahawa kanak-kanak ini telah dibawa ke hospital bersama ibu bagi menerima rawatan dan berada dalam keadaan selamat.

Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana kesalahan yang melibatkan hak dan kebajikan kanak-kanak selaras dengan Akta Kanak-kanak 2001. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan semua Jabatan serta Agensi di bawah KPWKM ini akan terus memberikan pemeliharaan dan perlindungan sewajarnya kepada kanak-kanak selain meningkatkan kesedaran dalam usaha melindungi kanak-kanak melalui kerjasama dengan pelbagai pihak.

Orang ramai yang mempunyai maklumat tentang kes penderaan boleh terus menghubungi Talian Kasih di talian 15999 atau nombor *WhatsApp* 019-2615999 atau terus ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang terdekat bagi mendapatkan bantuan segera.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
9 JUN 2023**